



UNIT MEDIA RELA  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
ARAS 7,8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 PUTRAJAYA  
TEL : 03-88703671      FAKS : 03-88905540

**KENYATAAN MEDIA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**  
**MENGENAI**  
**LAPORAN KEHILANGAN SENJATA API PEJABAT RELA DAERAH SELAMA, PERAK**  
**29 MAC 2017**

---

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) memandang serius berkenaan kes kehilangan senjata api milik RELA yang dikesan hilang sejak awal bulan lalu. RELA Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dan menyokong tindakan tegas diambil terhadap mereka. RELA Malaysia akan beri bekerjasama sepenuhnya kepada pihak Polis.

Satu *task force* telah ditubuhkan bagi melaksanakan beberapa langkah jangka pendek dan panjang dalam menambah baik pengurusan senjata api RELA. Keanggotaan *task force* ini terdiri dari pegawai pelbagai agensi. Antara peranan pasukan *task force* ini adalah:

1. Mengkaji semula segala arahan termasuk manual pengurusan senjata api sedia ada.
2. Menubuhkan pasukan naziran yang terdiri dari pegawai RELA Ibu pejabat, RELA Negeri dan Pusat Latihan RELA Malaysia.
3. Melaksanakan pemeriksaan menyeluruh terhadap senjata api.
4. Menambah baik stor penyimpanan senjata api.
5. Meningkatkan kemahiran anggota RELA dalam pengurusan persenjataan.
6. Mengkaji keperluan jawatan tambahan bagi mengurus semua hal berkaitan senjata api.

Langkah-langkah penambahbaikan jangka pendek dan panjang tersebut dijangka akan dapat menambahbaik pengurusan senjata api RELA Malaysia.

**Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)**